

Sungai Langat dicemari

JAS benar JKR buang leachate menyebabkan jalan berhampiran pecah

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin

HULU LANGAT: Sungai Langat yang membekalkan air kepada lebih sejuta pengguna di selatan Kuala Lumpur, termasuk Cheras dan Balakong dikesan mengalami pencemaran ammonia akibat pelepasan air larut resin atau leachate dari bekas tapak pembuangan sampah haram berdekatan kuari Sungai Long di Batu 12, di sini.

Difahamkan Jabatan Kerja Raya (JKR) melepaskan leachate mulai jam 12 tengah hari semalam berikutan bahan itu dipercayai punca jalan berhampiran pecah.

Menurut sumber, dalam kejadian kira-kira tiga minggu lalu, jalan berkenaan pecah dan JKR membaiki jalan dan membina palong konkrit bawah tanah untuk melepaskan leachate ke sungai berkenaan.

Beliau berkata, JKR diberi kebenaran untuk melepaskan sisa itu ke dalam sungai berkenaan berikutan ban di tapak pembuangan sampah itu sudah tidak mampu menampung

kandungan sampah.

Kata sumber itu, kebenaran melepaskan leachate itu dipersetujui pada mesyuarat antara JKR, Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Lembaga Urus Air Selangor.

Dipercayai pelepasan leachate tanpa kawalan menyebabkan loji rawatan air Sungai Long nyaris ditutup petang semalam akibat peningkatan ammonia di dalam sungai itu.

"Bagaimanapun, kita bernasib baik kerana hujan lebat menyebabkan kandungan ammonia di dalam sungai tidak membahayakan kerana paras air yang meningkat.

"Pada jam 3 petang tadi kandungan ammonia di Sungai Langat berada pada paras 0.18 miligram per liter (mg/l) dan berkurangan kepada 0.09 mg/l pada jam 4 petang berikutan hujan lebat yang membantu mencairkan kepekatan kandungan ammonia," katanya di sini, semalam.

Sebelum itu, sampel leachate yang diambil di tapak pembuangan sampah itu mengandungi ammonia pada paras 4 mg/l, melebihi paras selamat yang ditetapkan iaitu 1.5 mg/l.

Difahamkan, tapak pembuangan sampah haram dianggarkan seluas 200 meter itu wujud sejak setahun lalu dan beberapa pihak bertindak memantau kawasan itu sejak tiga minggu lalu berikutan bimbang leachate melimpah ke Sungai Langat berikutan hujan lebat sejak kebelakangan ini.

Tinjauan *Berita Harian* juga mendapati, leachate yang dilepaskan ke sungai itu menghasilkan buih di-



SILAP PERKIRAAN: Jalan dekat kuari Sungai Long pecah berikutan leachate dari bekas tapak pembuangan sampah.

percaya hasil tindak balas kimia, selain mengeluarkan bau busuk seperti gas yang dikhuatiri boleh menjejaskan kesihatan.

Sementara itu, Pengarah JAS Selangor, Che Asmah Ibrahim ketika dihubungi berkata, keputusan membenarkan JKR melepaskan leachate ke dalam sungai berkenaan dibuat

selepas melakukan kajian kandungan ammonia di dalam kolam tapak pembuangan sampah itu.

"Jika dibandingkan dengan kandungan ammonia yang disalurkan dari tapak pelupusan sampah biasa seperti di Sungai Kembong dan Bukit Tagar yang mencecah antara 1,100 hingga 2,000 mg/l, kualiti air di ko-

lam itu adalah jauh lebih rendah.

"JAS tiada pilihan dan membenarkan kerja pelepasan leachate dari kolam berkenaan ke Sungai Langat bagi mengelak kejadian lebih buruk berlaku jika ban yang dibina pecah akibat tekanan air yang tinggi kerana kolam itu tidak lagi mampu menampung air," katanya.

FAKTA NOMBOR

0.09mg/l

Kandungan ammonia
jam 4 petang semalam

1.5mg/l

Paras selamat ammonia